

17/08/2002

Ahli Pas berebut jadi imam solat Jumaat

Noor Jaafar; Nazura Ngah; Hamid Salleh; Baharom Bakar

KUALA TERENGGANU, Jumaat - Khatib yang sepatutnya mengimamkan solat Jumaat selepas membaca khutbah di Masjid Kampung Losong Haji Mohd Shafie di sini hari ini, tidak sempat berbuat demikian apabila tugas itu diambil oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri (DUN) Terengganu, Datuk Hussain Awang.

Walaupun hari ini giliran khatib yang juga imam masjid itu, Mohamad Nor Abu Bakar, bertugas, beliau terpaksa memberi laluan kepada Hussain bagi mengelak kejadian tidak diingini, lebih-lebih lagi antara makmum ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dr Mahathir, yang dalam rangka lawatan sehari ke Terengganu ketika mengulas kejadian itu, kesal kerana ada cubaan daripada Pas untuk menjadi imam dan khatib walaupun mengetahui imam lain bertugas.

Beliau berkata, perkara seperti itu tidak sepatutnya berlaku kerana sudah ada imam dan khatib yang ditugaskan mengimamkan solat Jumaat dan membaca khutbah.

"Kenapa pula hari ini, tiba-tiba orang Pas nak jadi imam. Sebagai orang Islam, tidak sepatutnya perkara seperti itu berlaku," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan kunci dan surat tawaran Projek Perumahan Keluarga Nelayan Terengganu di Kampung Tok Jembal, dekat sini.

Perdana Menteri percaya pemimpin dan penyokong Pas bertindak demikian bertujuan memburuk-burukkan tetamu yang sembahyang Jumaat di masjid itu.

"Masjid adalah tempat umat Islam berkumpul bagi mengeratkan persaudaraan. Solat Jumaat diadakan seminggu sekali bertujuan merapatkan perpaduan, bukannya untuk berperang. Kenapa patut ada perebutan?" katanya.

Selepas menunaikan solat Jumaat di masjid berkenaan, Dr Mahathir merasmikan Institut Latihan Ummah untuk mengajar Islam kepada penduduk di kawasan itu.

Beliau berharap institut latihan itu berjaya mendidik umat Islam di negeri ini.

Sementara itu, Hussain ketika dihubungi berkata, beliau mengimamkan solat itu kerana ditugaskan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) untuk menjadi imam dan membaca khutbah.

Sehubungan itu, katanya, tidak timbul soal berebut untuk menjadi imam dan membaca khutbah.

Penguasa merangkap ahli jawatankuasa masjid, Datuk Mohd Ghazali Ahmad, berkata berdasarkan keputusan mesyuarat, solat Jumaat sempena lawatan kerja sehari Dr Mahathir akan diimamkan oleh Mohamad Nor.

Bagaimanapun, katanya, belum pun sempat khatib turun dari mimbar selepas membaca khutbah, Hussain yang datang bersama beberapa penyokong Pas melangkah ke depan dan terus mengangkat takbir.

"Bagi mengelakkan kejadian tidak diingini sehingga mencetus pergaduhan berlaku, saya meminta Mohamad Nor agar tidak ke tempat imam," katanya.

Ghazali berkata, ada tiga imam terdiri daripada anak mukim kampung itu ditugaskan membaca khutbah dan mengimamkan sembahyang Jumaat secara bergilir.

Berdasarkan jadual, khutbah Jumaat dan sembahyang hari ini diimamkan Mohamad Noor.

Beliau percaya Hussain yang diiringi 15 pemimpin Pas, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Wakaf Mempelam, Abdul Wahid Endut, bertujuan membaca khutbah serta mengimamkan solat.

Sementara itu, Ketua Polis negeri, Senior Asisten Komisioner I Othman

Talib, berkata polis ada meminta kepada Hussain dan Abdul Wahid supaya tidak mengganggu perjalanan solat Jumaat, hari ini.

Beliau berkata, polis mengarahkan mereka supaya mematuhi jadual tugas imam seperti ditetapkan jawatankuasa masjid bagi mengelak sebarang kejadian tidak diingini berlaku.